

KENYATAAN MEDIA

PELANTIKAN TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF 2 CIDB HOLDINGS

PWTC, Kuala Lumpur- CIDB Holdings Sdn Bhd (CIDBH) hari ini mengumumkan Ir. Raslim Salleh sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif 2 yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2020 .

Ir. Raslim mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dan berpengetahuan luas dalam industri pembinaan. Beliau memulakan kerjayanya di Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) selama 22 tahun, dengan berkhidmat dalam pelbagai kapasiti. Sepanjang kerjaya, beliau telah menerima pelbagai anugerah dan pada tahun 2014 beliau menerima Darjah Pingat Ahli Mahkota Perlis daripada DYMM Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail.

Beliau yang berasal daripada Kangar, Perlis merupakan pemegang *Bachelor Of Science Civil Engineering* dari University Of Alabama, United States. Dengan kelayakan dan kebolehan beliau dalam industri dan pendidikan , beliau telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif 2 di CIDB Holdings.

Ketua Pegawai Eksekutif CIDB Holdings, Supian Musa berkata, Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi yakin dengan kebolehan Ir. Raslim untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya ke arah mencapai objektif CIDB Holdings.

